

1. R2404 - Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Komputer)

Program ini disediakan untuk melahirkan tenaga kerja di peringkat ikhtisas yang mahir serta mempunyai pengetahuan yang kukuh dalam bidang Kejuruteraan Komputer. Diploma ini berteraskan ilmu pengetahuan di dalam bidang elektronik dan sistem komputer. Para graduan juga diterapkan dengan budaya ilmu supaya mempunyai personaliti dan keperibadian yang unggul dan mampu berdikari sebagai pembantu jurutera yang efektif dan berpengetahuan dalam melaksanakan tugas.

Justeru itu, program ini dapat membentuk generasi berkenaan yang berupaya dan berkebolehan dalam mengaplikasi teknologi terkini dan sebagai penyumbang tenaga kerja terlatih dalam bidang elektronik dan komputer. Program ini direka khas bagi memenuhi keperluan industri seperti Intel, Agilent, Motorola, Sapura, Telekom, SIRIM dan lain-lain lagi. Di samping pekerjaan yang banyak ditawarkan kepada pelajar selepas tamat pengajian, pelajar juga berpeluang untuk menyambung pengajian mereka ke peringkat ijazah sarjana muda dan seterusnya ke peringkat ijazah tinggi di dalam bidang kejuruteraan elektronik dan elektrik, kejuruteraan komputer dan telekomunikasi sama ada di universiti tempatan ataupun di universiti luar negara.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Sistem Komputer dan Teknologi Maklumat
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Rekabentuk Sistem Terbenam
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Rangkaian (Rekabentuk)
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Elektronik
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Rangkaian Komputer
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Perkhidmatan Rangkaian Komputer
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Antara Muka
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Operasi Sistem Komputer
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Program Logik
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Semikonduktor
- Juruteknik / Pembantu Jurutera Telekomunikasi
- Pembantu Penyelidik

2. R2420 - Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektrik)

Program ini adalah untuk melahirkan tenaga separa mahir serta mempunyai pengetahuan yang kukuh dalam bidang Kejuruteraan Elektrik. Para graduan diploma akan dilatih untuk menjadi Pembantu Jurutera Elektrik yang berkemampuan menjalankan tugas di dalam bidang pengeluaran, pembinaan, penyelenggaraan, jualan, perundingan, pendidikan dan latihan. Semasa pembelajaran, para graduan akan didedahkan dengan penggunaan peralatan-peralatan yang setaraf dengan peralatan yang terdapat di industri. Para graduan juga berkemampuan menjalankan tugas-tugas pengurusan yang memerlukan kebolehan membuat pertimbangan yang teliti dan tepat. Para graduan juga berpeluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana muda di universiti tempatan mahupun luar negara atau pun layak untuk meduduki peperiksaan kompetensi dengan Suruhanjaya Tenaga (ST).

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Juruteknik / Pembantu Jurutera Proses & Pengeluaran
- Juruteknik / Pembantu Jurutera Pengeluaran dan Pembuatan
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Penyelenggaraan Elektrik
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Semikonduktor
- Firma Perundingan Kejuruteraan Elektrik
- Pembantu Penyelidik

3. R2423 - Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekanik)

Diploma Kejuruteraan Mekanik ditawarkan sejajar dengan perkembangan teknologi yang pesat, yang bertujuan untuk melahirkan graduan-graduan yang mahir dan separa-profesional yang boleh terus menyesuaikan diri dengan industri di Malaysia. Adalah penting untuk mereka mempunyai pengetahuan yang boleh diintegrasikan di dalam pelbagai bidang. Kurikulum bagi program ini dibentuk agar pelajar mempunyai kebolehan merekabentuk, mengendali dan menyelenggara peralatan-peralatan elektrik & elektronik, mekanikal, perisian komputer dan teknologi maklumat. Selain daripada kursus teras kejuruteraan, pelajar juga diberikan kemahiran insaniah seperti etika, pengurusan, keusahawanan, komunikasi serta hubungan etnik. Graduan mempunyai prospek pekerjaan yang luas dalam syarikat-syarikat swasta, industri, jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun. Ia merangkumi bidang-bidang seperti bidang kejuruteraan, pengeluaran, pengujian dan lain-lain bidang yang berkaitan. Antara industri-industri yang terlibat adalah seperti Siemen VDO, Sony EMCS, Elna-Sonic, Sanyo Electronics, Schott Glass, Action Industries dan lain-lain. Selain itu pelajar juga berpeluang untuk menyambung pelajaran mereka ke peringkat ijazah sarjana muda Kejuruteraan Mekanik mahupun Mekanikal yang ditawarkan di mana-mana universiti tempatan ataupun universiti di luar negara.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Juruteknik / Pembantu Jurutera Proses & Pengeluaran
- Juruteknik / Pembantu Jurutera Pengeluaran dan Pembuatan
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Penyelenggaraan
- Firma Perundingan Kejuruteraan
- Pembantu Penyelidik

4. R2427 - Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Mikroelektronik)

Program ini direka bentuk untuk membekalkan tenaga separa profesional dalam bidang kejuruteraan mikroelektronik bagi memenuhi keperluan industri semikonduktor negara. Penyusunan program akademik memberi penekanan kepada aspek teori, praktikal dan pembangunan jati diri. Graduan akan didedahkan secara khusus kepada susun atur litar terkamil, fabrikasi wafer, pampakan elektronik dan analisa kegagalan, di samping subjek teras yang berlandaskan elektronik. Peluang pekerjaan dalam bidang ini amat meyakinkan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja separa profesional selaras dengan perkembangan Pelan Induk Perindustrian Negara. Antara industri yang terlibat adalah seperti Intel, Infineon, Silterra, Motorola, MIMOS, Flextronics, Agilent Technologies, Avago Technologies dan lain-lain lagi. Selain bidang pekerjaan, pelajar juga mempunyai peluang untuk menyambung pendidikan ke peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang mikroelektronik mahupun elektronik yang ditawarkan oleh universiti di dalam mahu pun di luar negara.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Juruteknik / Pembantu Jurutera Proses & Pengeluaran
- Juruteknik / Pembantu Jurutera Pengeluaran dan Pembuatan
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Penyelenggaraan
- Juruteknik / Pembantu Jurutera Kawalan Kualiti Pengeluaran
- Pembantu Penyelidik

5. R2432 - Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Pembuatan)

Objektif utama program ini adalah untuk melahirkan tenaga kerja separa mahir serta mempunyai pengetahuan berbentuk 'inter-disciplinary', berkebolehan dalam bidang teknikal, pengurusan dan teknologi. Para graduan dibekalkan dengan kebolehan merekabentuk, pembuatan dan melaksanakan sistem yang bersepadu dengan menggabungkan unsur-unsur kemanusiaan, bahan, peralatan, maklumat dan tenaga. Para graduan diploma akan dilatih untuk menjadi Pembantu Jurutera Pembuatan yang berkemampuan menjalankan tugas di dalam bidang pembuatan, mereka bentuk, penyelenggaraan, perundingan dan pendidikan. Kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi para graduan, dapat membantu menangani sebarang masalah dalam pelbagai industri. Antara industri yang terlibat adalah seperti Perodua, Proton, NAZA, Honda, Nissan, INOKOM, Silterra, Motorola, Flextronics, Solectron, Agilent Technologies dan lain-lain lagi. Selain bidang pekerjaan, pelajar juga mempunyai peluang untuk menyambung pendidikan ke peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang mekanikal, pembuatan, rekabentuk produk, marin, aeronautik, automasi dan robotik yang ditawarkan oleh universiti di dalam mahu pun di luar negara.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Bahagian Rekabentuk, Proses Pembuatan dan Kawalan Kualiti
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Industri Pembuatan
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Bidang Penyelidikan dan Pembangunan Sektor Industri Pembuatan
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Projek
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Rekabentuk Produk
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Jaminan Mutu
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Ujian Perkakasan
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Penyelenggaraan
- Pembantu Penyelidik

6. R2433 - Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Metalurgi)

Program ini bertujuan untuk melahirkan tenaga teknikal separa mahir di dalam bidang metalurgi bagi memenuhi permintaan yang tinggi di dalam industri pemprosesan dan pembuatan berasaskan logam seperti sektor besi dan keluli, perkapalan, automotif, elektronik, pengekstrakan logam serta industri minyak dan gas. Melalui program ini, para pelajar akan didedahkan kepada pelbagai pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang metalurgi seperti pemprosesan dan pembuatan logam, pemesinan logam serta penyambungan logam melalui teknik-teknik kimpalan arka, gas, TIG dan MIG. Pelajar juga akan mempelajari kaedah-kaedah pengujian produk logam dengan menggunakan peralatan-peralatan yang spesifik seperti Universal Testing Machine (UTM), alat ujian kekerasan (Vicker's, Brinell dan Rockwell), alat ujian hentaman (Izod dan Charpy). Keupayaan untuk mengaitkan keputusan ujian dengan sifat serta kelakuan logam melalui penggunaan peralatan terkini seperti Mikroskop Imbasan Elektron (SEM), Pembelauan Sinar-X (XRD) dan peralatan Ujian Tanpa Musnah (NDT) bakal memberikan kelebihan kepada bakal graduan diploma metalurgi kelak. Graduan Diploma Kejuruteraan Metalurgi mempunyai prospek pekerjaan yang luas sama ada di sektor swasta atau awam. Graduan program ini berkelayakan sebagai pembantu jurutera atau tenaga teknikal dalam dalam bidang-bidang industri seperti pemprosesan dan pembuatan logam, automotif, minyak dan gas, elektronik, pengujian bahan, perkhidmatan dan penyelenggaraan, kawalan dan mutu produk, reka bentuk produk, analisa kegagalan dan kimpalan logam. Antara pemain-pemain utama industri yang berkaitan dengan program ini ialah Ann Joo Steel, Antara Steel, Intel, KOMAG, Proton, Perwaja Steel, Produa dan Malaysian Smelting Corporation. Manakala dalam sektor awam, para graduan boleh memilih untuk berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan institusi-institusi penyelidikan. Selain menceburi bidang pekerjaan, graduan turut berpeluang untuk menyambung pendidikan ke peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan metalurgi atau kejuruteraan bahan yang ditawarkan oleh universiti-universiti di dalam mahu pun di luar negara.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Proses
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Pengeluaran
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Pembuatan Kawalan Kualiti
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Jaminan Kualiti
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Analisa Kegagalan
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Pembangunan Produk
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Pembangunan Proses
- Juruteknik/ Pembantu Jurutera Pembangunan Bahan
- Pembantu Metalurgist
- Pembantu Penyelidik